

03 SEP 2002

Samsudin-SSM (Bergambar)

KAKITANGAN AWAM DINASIHAT PILIH SISTEM SARAAAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, 3 Sept (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman hari ini menasihatkan kakitangan awam memilih Sistem Saraan Malaysia (SSM) apabila mereka diberi surat tawaran untuk berbuat demikian pada Oktober ini.

Beliau berkata ini kerana SSM pasti akan diperbaiki dari semasa ke semasa apabila dilaksanakan kelak.

"Dulu, bagi yang tidak memilih SSB (Sistem Saraan Baru), bila dah dilaksanakan mereka rasa menyesal," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang 2001 kepada kakitangan Bahagian Keselamatan Negara (BKN), di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penerimaan kakitangan awam terhadap SSM sejak diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Julai lepas.

Samsudin berkata dengan pelaksanaan SSM, kerajaan tidak lagi menambahbaik SSB pada masa depan, sebaliknya akan kekal dengan kriteria yang diamalkan sekarang.

Katanya buat masa ini Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang menjelajah semua negeri bagi memberi penjelasan kepada kakitangan awam mengenai SSM.

"Setakat ini sambutan oleh kakitangan awam amat menggalakkan dan mereka banyak bertanya mengenainya," katanya.

Pelaksanaan SSM adalah sebagai opsyen kepada SSB yang telah diperkenalkan kerajaan pada 1992, menggantikan skim perkhidmatan di bawah Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet (JKK I dan JKK II) yang dilaksanakan sejak 1976.

Bagaimanapun setelah beberapa tahun dilaksanakan, SSB dikritik oleh beberapa pihak ekoran beberapa kelemahan yang ada dalam sistem itu.

SSM dijangka akan dilaksanakan mulai 1 Nov nanti.

Pada majlis itu, 47 pegawai dan kakitangan BKN menerima anugerah masing-masing -- 22 menerima kategori menegak, 15 melintang dan 10 anugerah khas.

-- BERNAMA

NM AHH ZB